

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, July 18, 2019 1:33 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Pusat Pengajian Perlu Bersaing Tonjol Kelebihan, Tingkat Bilangan Pelajar



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

18 JULAI 2019 / 15 ZULKAEDAH 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

PUSAT PENGAJIAN PERLU BERSAING TONJOL KELEBIHAN, TINGKAT BILANGAN PELAJAR



UUM ONLINE: Naib Canselor, Prof. Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani mengingatkan semua pusat pengajian untuk menonjolkan kelebihan masing-masing dalam usaha meningkatkan bilangan pelajar bagi mengikuti program yang ditawarkan.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan lawatan muhibah ke Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Science (AHSGS), Pusat Pengajian Pengkomputeran (SOC) dan Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden (SEML), baru-baru ini.

Kata beliau, setiap pusat pengajian harus bersaing dengan universiti lain memandangkan masing-masing menawarkan program yang sama kepada pelajar, justeru beliau mahu pusat pengajian di UUM dapat tunjukkan kelebihan program yang mereka tawarkan itu supaya pada masa akan datang lebih ramai pelajar memilih UUM sebagai tempat melanjutkan pengajian.

Menurutnya, semua pusat pengajian juga harus tahu untuk 'jual' program mereka ke luar negara yang mempunyai potensi tinggi dan sasarkan jumlah pelajar yang ramai bagi setiap negara sekurang-kurangnya 1,000 orang.

"Dalam usaha untuk mengejar jumlah pelajar terutamanya pelajar antarabangsa, pusat pengajian juga bertanggungjawab untuk meletakkan hala tuju yang jelas bagi tempoh tiga hingga lima tahun akan datang seperti dalam aspek penyelidikan, penerbitan dan hubungan dengan industri serta bersedia untuk Pelan Strategik UUM yang akan memasuki Fasa 3.

"Selain itu, kita sekarang berada di era baharu dan universiti juga perlu bergerak ke arah baharu yang mana dunia sedang melalui segmen ekonomi digital, justeru saya mahu lihat UUM juga ke arah digital dengan mendengar idea-idea baharu yang akan membantu melonjakkan universiti," katanya.

Pada lawatan di AHSGS, Prof. Dr. Ahmad Bashawir meminta AHSGS untuk mengadakan hubungan dengan industri supaya program yang ditawarkan mempunyai pengiktirafan dari rakan industri, selain itu fokus mempromosikan sekolah siswazah berkenaan ke negara berpotensi tinggi dengan program ditawarkan dan elakkan menyamaratakan pelajar yang datang dari pelbagai negara dan latar belakang berbeza.

Manakala di SOC, beliau berharap SOC dapat menjenamakan semula pusat pengajian tersebut agar dapat bersaing dan tandingi universiti lain seperti Universiti Sains Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia yang turut menawarkan program pengkomputeran, seterusnya tonjolkan kelebihan program yang terdapat di SOC.

Beliau juga berharap SOC dapat mengadakan kolaborasi dengan pihak industri, dapatkan industri untuk menaja SOC seperti Inapan Siswa (INASIS) yang ditaja satu industri dan meminta pusat pengajian berupaya bergerak ke arah '*self-sustaining*'.

Lawatan muhibah beliau berakhir di SEML dengan meletakkan harapan agar SEML dapat menyusun strategi bagi menarik pelajar antarabangsa ke UUM dengan program yang ditawarkan SEML, tingkatkan penyelidikan dan penerbitan serta bersedia dengan Pelan Strategik Fasa 3.





Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.